

03 NOV 2001

ASEAN-KETIBAAN

PEMIMPIN TIBA UNTUK SIDANG KEMUNCAC ASEAN

Oleh: Siti Hawa Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Nov (Bernama) -- Pemimpin dari Laos dan Kemboja merupakan yang awal tiba bagi Sidang Kemuncak Asean Ketujuh apabila sampai di sini hari ini, mendahului kebanyakan pemimpin lain termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka tiba esok.

Dr Mahathir dijangka tiba di sini petang esok dan akan menghadiri jamuan makan malam bagi pemimpin negara/kerajaan Asean kemudiannya.

Sidang Kemuncak Asean Ketujuh itu akan berlangsung selama dua hari mulai Isnin ini di mana para pemimpin dijangka antara lain, menangani kebimbangan Asia Tenggara seperti cabaran akibat kemelesetan ekonomi dunia dan membanteras keganasan penganas.

Asean terdiri daripada Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Pada pagi ini, mesyuarat pegawai kanan Asean (SOM) bermula dengan para pegawai mengadakan perbincangan terperinci bagi membuat persiapan terakhir untuk sidang berkenaan.

Para pemimpin Asean dijangka menimbangkan pelbagai topik seperti cabaran jangka panjang dan merapatkan jurang pembangunan.

Mereka juga dijadualkan membuat keputusan mengenai keutamaan baru bagi Rancangan Bertindak Hanoi yang diguna pakai pada 1998 dan sesi mengenai HIV/AIDS bagi mengemukakan pelan tindakan untuk mencegah penularan HIV dan Aids di rantau ini.

Para pemimpin Asean juga dijangka mengadakan perbincangan dengan pemimpin China, Jepun dan Korea pada hari Isnin, kali kelima sejak sidang kemuncak "Asean + 3" bermula dalam tahun 1997

Pada hari Selasa, pemimpin Asean itu akan bersama-sama mengadakan mesyuarat berasingan "Asean + 1" dengan setiap tiga pemimpin.

Sementara itu, Dr Mahathir dijangka mengadakan perbincangan dua hala dengan pemimpin Kemboja dan Korea semasa sidang berkenaan. -- BERNAMA

SHO MKO NHD